

JBPM Johor buat persiapan hadapi tengkujuh, banjir

Johor Bahru: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor bersiap sedia menghadapi musim tengkujuh dan banjir ketika proses Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai berlangsung, bulan hadapan.

Pengarahnya, Datuk Yahya Madi, berkata pihaknya sedia maklum mengenai musim monsun dan banjir yang kebiasaannya melanda ketika hujung tahun.

Katanya, persediaan JBPM sentiasa dilakukan, lebih-lebih lagi banyak acara penting berlaku sepanjang tempoh penghujung tahun, antaranya peperiksaan utama seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Musim hujung tahun dan banjir, kita (JBPM Johor) memang sentiasa bersedia sama ada berlakunya PRK atau tidak, kami memang bersedia dari segala aspek terutama aset dan kenderaan bagi membantu mangsa banjir.

"Seperti banjir ketika peperiksaan, perjalanan operasi sama akan dilakukan iaitu menyediakan kenderaan dan membantu mem-

bawa kertas undi jika terputus hubungan dan sebagainya," katanya ketika dihubungi *BH* semalam.

Yahya berkata, pihaknya juga akan menyediakan kenderaan darat atau air jika ada kawasan penempatan yang terputus hubungan bagi membantu membawa pengundi menunaikan tanggungjawab mereka.

"Jumlah aset dan anggota juga mencukupi bagi menghadapi sebarang kemungkinan terutama sepanjang berlangsungnya PRK di Tanjung Piai," katanya.

Mengikut rekod, kali terakhir Johor mengadakan PRK adalah pada Januari 2010 di Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang, Labis berikutan kematian penyandanginya, Datuk Sulaiman Taha, akibat jangkitan kuman dalam darah serta suhu badan yang tidak stabil.

Ketika PRK DUN Tenang berlangsung, kawasan berkenaan turut dilanda banjir besar beberapa hari sebelum hari mengundi sehingga keputusan pilihan raya terpaksa diumumkan lewat berikutan bencana itu.